

Pengaruh Sikap Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Kursus Secara Sambilan Berdasarkan Model Andragogi Knowles

Mohd Effendi @ Ewan bin Mohd Matore

Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat

Jabatan Pengajian Tinggi, Putrajaya

effendi_ewan@yahoo.com

ABSTRACT

Kajian ini mengkaji pengaruh sikap pelajar terhadap pencapaian akademik pelajar Kursus Secara Sambilan (KSS) di Politeknik Kota Kinabalu, Sabah berdasarkan Model Andragogi oleh Knowles yang merangkumi enam elemen iaitu keperluan ingin tahu, penyempurnaan kendiri, peranan pengalaman, kesediaan belajar, orientasi pembelajaran, peranan motivasi dan elemen andragogi secara keseluruhan. Kajian ini melibatkan kesemua 47 orang responden di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal sebagai sampel kajian. Data diproses dengan The Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 14.0 menggunakan Ujian Korelasi Pearson Product Momen, Ujian Regresi Pelbagai dan min deskriptif. Nilai pekali Alpha Cronbach untuk kajian ini ialah 0.888. Dapatkan kajian mendapati, min skor bagi semua aspek menunjukkan bahawa tahap sikap pelajar pada prinsip pembelajaran utama andragogi secara keseluruhannya berada di tahap yang baik. Dapatkan menunjukkan korelasi yang sangat kuat bagi elemen keperluan ingin tahu dan prinsip pembelajaran keseluruhan terhadap pencapaian akademik. Bagi elemen lain seperti penyempurnaan kendiri, peranan pengalaman, orientasi pembelajaran dan peranan motivasi pula menunjukkan korelasi yang kuat iaitu nilai r antara 0.71 sehingga 0.90. Hanya elemen kesediaan belajar yang memiliki kekuatan korelasi yang sederhana. Analisis regresi pelbagai menunjukkan bahawa pembolehubah peramal iaitu Keperluan ingin tahu dan penyempurnaan kendiri adalah peramal yang mempunyai korelasi dan sumbangan yang signifikan terhadap pencapaian akademik pelajar KSS di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Kota Kinabalu.

Keywords : sikap, pencapaian akademik, model andragogi, kursus secara sambilan

PENGENALAN

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) telah menggariskan Kursus Secara Sambilan (KSS) sebagai Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk membudayakan pembelajaran sepanjang hayat dalam masyarakat Malaysia, KSS memberi peluang pendidikan kepada lulusan Sijil Politeknik Malaysia untuk bekerja sambil belajar meningkatkan ilmu pengetahuan dan kelayakan akademik melalui konsep "Learn As You Earn".

Penyataan Masalah

Bilangan pelajar dewasa semakin bertambah sejak dua dekad ini (Timarong A. et. al 2002). Kajian oleh National Center for Educational Statistics (NCES, 2000) menunjukkan bahawa pertambahan enrolmen pelajar dewasa adalah sebanyak 7 peratus antara tahun 1990 hingga 1999 dan dijangka peningkatan sebanyak 9 peratus antara tahun 1999 hingga 2010. Pembelajaran dewasa juga dikaitkan dengan pembelajaran berterusan, pembelajaran terarah kendiri, pengalaman pembelajaran tidak formal dalam menghadapi persaingan dalam kemahiran dan kelayakan yang semakin mencabar seiring dengan cabaran masa hadapan (Sariwati Mohd Shariff et al., 2009).

Sejajar dengan salah satu agenda kritikal dalam Rangka Kerja Transformasi Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) iaitu Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), maka PSH yang merupakan dasar pendidikan telah diberi penekanan oleh negara ó negara maju dan organisasi antarabangsa sejak tiga dekad yang lalu.

“Kerajaan menyedari bahawa Malaysia adalah sebuah negara membangun yang perlu membuka peluang melanjutkan pengajian dalam pelbagai lapangan institusi pendidikan. Di bawah domain KPT, pelajar dewasa boleh melanjutkan pengajian di universiti awam dan swasta, kolej universiti, universiti terbuka, politeknik, kolej komuniti atau kolej swasta.”

(Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara, 2007 – 2010)

Menurut kajian oleh Awab Said dan Sufean Hussin (2006), bekerja sambil belajar bukanlah satu tugas yang mudah terutama dalam masyarakat kita yang mengutamakan keputusan peperiksaan. Seperti yang dipetik dari kertas kerja bertajuk *Adult Learning and Learners* oleh Alvina Timarong, Marianne Temaungil & Wilma Sukrad, 2002 iaitu ..

“Two obvious barriers to retention and attainment of educational goals are time and money. Many adult learners are commuters and married, work full time and have children. Juggling jobs, commuting, housework, childcare and schoolwork if not handled properly, can cause students to drop out ...

... Other barriers for adult learners may include inability to obtain financial aid and poor financial planning, lack of persistence or motivation, gender, age, language, lack of support from employers, friends and family, socioeconomic status, educational background, intelligence, poor study skills, poor stress management, lack of counseling services and lack of flexible class scheduling ”

Oleh kerana itu, kajian ini bertujuan untuk merungkai persoalan sama ada sikap pelajar KSS mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Sikap berkenaan akan dilihat dari aspek dalam andaian Model Andragogi dan dihubungkan dengan pencapaian akademik keseluruhan mereka bagi mendapat jawapan kepada pertalian antara pembolehubah berkenaan. Kajian ini akhirnya cuba mendapat jawapan sejauh manakah sikap terhadap pelajaran mempengaruhi pencapaian akademik.

Objektif Kajian

- a) Mengenalpasti sikap pelajar KSS bagi elemen keperluan ingin tahu, penyempurnaan kendiri, peranan pengalaman, kesediaan belajar, orientasi pembelajaran, peranan motivasi dan elemen andragogi secara keseluruhan.
- b) Menentukan sama ada wujud pengaruh yang signifikan antara sikap pelajar KSS terhadap elemen keperluan ingin tahu, penyempurnaan kendiri, peranan pengalaman, kesediaan belajar, orientasi pembelajaran, peranan motivasi dan elemen andragogi secara keseluruhan dengan pencapaian akademik.

Definisi Istilah

Prinsip utama pembelajaran andragogi atau disebut model andragogi terbahagi kepada 6 (ENAM) perkara utama iaitu keperluan ingin tahu, penyempurnaan kendiri, peranan pengalaman, kesediaan belajar, orientasi pembelajaran dan peranan motivasi pelajar (Mihall J.,1999 & Knowles dalam Mohd Azhar Abdul Hamid ed, 2004). Menurut Sarojni Choy et al.(2002), andragogi adalah “*the art and the science of helping adult learners*”. Andragogi juga merupakan kaedah atau cara dalam mengajar orang dewasa (Davenport & Davenport, 1985 dalam Sandlin, J.A., 2005 & Davenport, 1987 dalam Holmes G., et al., 2000). Model andragogi ini juga menekankan proses pembelajaran berbanding kandungannya (Geoffrey Lee, 2005). Terdapat 6 istilah dalam prinsip utama Model Andragogi Knowles iaitu :

a) Keperluan Ingin Tahu

Menurut Knowles dalam Anthony T.D., (2007), orang dewasa perlu tahu mengapa mereka perlu belajar. Tough (1979) dalam Mohd Azhar Abdul Hamid et al.(2004) mendapati apabila orang dewasa berkemampuan untuk belajar, memperoleh faedah daripada pembelajarannya dan mengambil kira keburukan apabila tidak mempelajarinya, maka cabarannya adalah untuk menyedarkan pelajar tentang keperluan untuk memenuhi rasa ingin tahu atau *need to know*. Fasilitator mesti membantu pelajar dewasa ini memupuk rasa ingin tahu bagi meningkatkan nilai pembelajaran (Ota C., 2006).

b) Penyempurnaan Kendiri

Penyempurnaan kendiri bermaksud bagaimana seseorang pelajar itu mampu menilai sendiri keputusan dan menentukan hidup mereka sendiri di samping membangunkan keperluan psikologi bagi mendapatkan penghargaan dan perhatian daripada orang lain (Mohd Azhar Abdul Hamid ed, 2004).

c) Peranan Pengalaman

Menurut Knowles (1980) dalam Mohd Azhar Abdul Hamid ed (2004) & A.A. Alaoye, 2008., peranan pengalaman pula meliputi bagaimana pelajar mengadaptasi pengalaman kerja mereka sebagai asas aktiviti pembelajaran, di mana pembelajaran adalah berdasarkan *problem centered* atau pemusatan masalah. Menurut Blondy L.C., (2007), pengalaman yang ada akan digunakan oleh fasilitator untuk mencungkil potensi diri pelajar dewasa.

d) Kesediaan Belajar

Pelajar dewasa mesti bersedia untuk belajar perkara yang perlu diketahui mereka dan mengaitkan apa yang dipelajari dengan realiti kehidupan (Brian C. & Della, M.S, 2004). Kesediaan belajar ini penting bagi pembangunan kendiri (Knowles et al., 2005).

e) Orientasi Pembelajaran

Pelajar dewasa berbeza dengan pelajar kanak-kanak di mana pelajar kanak-kanak adalah tertumpu pada pelajaran atau berpusatkan subjek manakala pelajar dewasa lebih berpusatkan masalah. (Mohd Azhar Abdul Hamid ed, 2004). Ini disokong oleh Knowles et al., (2005) yang menyatakan pembelajaran dewasa adalah berpusatkan masalah dan berpusatkan tugas dalam orientasi pembelajaran mereka.

f) Peranan Motivasi

Pelajar dewasa lebih teruja dengan motivasi dalaman seperti kualiti kehidupan dan penghargaan lebih berpengaruh berbanding motivasi luaran seperti kenaikan pangkat dan mendapat gaji tinggi. Ini disokong oleh kajian dari University of Central Florida, Orlando dalam *Florida Literacy and Reading Excellence Professional Paper* pada tahun 2004 yang menyatakan *as a person matures, the motivation to learn is internal*. Motivasi atau pendorong ini juga penting untuk meningkatkan kendiri pelajar dewasa untuk meneruskan pengajian (Mohd Azhar Abdul Hamid ed, 2004 & Knowles et al., 2005 dalam Ota C., 2006). Pelajar sememangnya boleh dimotivasi secara dalaman dan luaran (Stephen Pew, 2007).

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk Kajian dan Persampelan

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik bertulis untuk memperolehi data bagi menentukan sikap pelajar KSS dan hubungannya dengan pembolehubah bebas iaitu pencapaian akademik. Pembolehubah bersandar pula adalah 6 prinsip utama pembelajaran dalam Model Andragogi Knowles. Populasi kajian ini kesemua adalah pelajar KSS di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Kota Kinabalu bagi peringkat Diploma dan Sijil seramai 47 orang. Kesemua populasi kajian adalah sampel bagi kajian ini. Persampelan yang digunakan adalah persampelan berkelompok.

Kebolehpercayaan Instrumen

Kebolehpercayaan instrumen bagi kajian rintis ini telah ditentukan dengan menggunakan *Alpha Cronbach* dalam perisian SPSS versi 14.0. Keputusan analisis menunjukkan bahawa bagi instrumen kajian yang telah diperbaiki, pekali kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* ialah 0.888.

Instrumen Kajian

Alat ukur ini mempunyai 2 bahagian di mana Bahagian A mengandungi soalan tentang demografi responden. Bahagian ini mengandungi soalan tentang jantina, jenis kursus, himpunan purata nilai mata (HPNM) dan peringkat program. Bahagian B pula terdiri daripada 30 soalan yang mengandungi 6 elemen dalam Model Andragogi. Semua soalan dalam Bahagian B menggunakan soalan ditentukan dengan Skala Likert (5point). Oleh kerana semua item adalah positif, maka nilai skala bagi Sangat Tidak Setuju (STS) ialah 1 dan seterusnya sehingga skala Sangat Setuju (SS) dengan nilai poinnya ialah 5.

Normaliti Data

Berdasarkan ujian Kolmogorov-Smirnov(a) dan Shapiro-Wilk, nilai aras signifikan ($p>0.05$) menunjukkan nilai adalah tidak signifikan iaitu dengan bacaan 0.200 dan 0.159. Ini membuktikan data kajian bertaburan secara normal. Hal ini juga disokong oleh nilai skewness dan kurtosis yang menunjukkan nilai adalah masing-masing -0.377 dan -0.577. Oleh kerana nilai kedua-duanya berada antara ± 2.0 , maka data bertaburan normal. Oleh itu, ujian bersesuaian bagi analisis inferensi adalah Ujian Pearson dan Regresi Pelbagai (*Multiple Regression*).

Latar Belakang Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada 47 orang pelajar KSS di mana 44 orang adalah lelaki dan hanya 3 orang pelajar wanita. Bagi jenis kursus, DKM mewakili sebanyak 42 responden dan SKM pula hanya seramai 5 orang.

Objektif Kajian 1 : Untuk mengenalpasti tahap sikap pelajar terhadap 6 elemen dalam Model Andragogi, min skor dan sisihan piawai telah digunakan. Jadual 1 berikut menunjukkan min skor dan sisihan piawai bagi setiap elemen dalam seni.

Jadual 1: Min dan sisihan piawai bagi setiap elemen Prinsip Pembelajaran Utama dalam Model Andragogi

	Aspek	Min	Sisihan Piawai
Elemen Prinsip Pembelajaran Utama Model Andragogi	Keperluan Ingin Tahu	4.0681	0.49216
	Penyempurnaan Kendiri	4.1021	0.44306
	Peranan Pengalaman	4.1489	0.46526
	Kesediaan Belajar	3.9947	0.40206
	Orientasi Pembelajaran	4.0851	0.57407
	Peranan Motivasi	4.3191	0.51526
Elemen Andragogi Keseluruhan	4.1170	0.44043	

Secara keseluruhannya, min skor bagi semua aspek adalah baik iaitu nilai min berada di antara 3.9947 hingga 4.3191. Skor min bagi prinsip pembelajaran utama andragogi secara keseluruhannya hanya mencatat 4.1170. Ini menunjukkan bahawa tahap sikap pelajar pada prinsip pembelajaran utama andragogi secara keseluruhannya berada di tahap yang baik.

Objektif Kajian 2 : Ujian Korelasi Pearson digunakan untuk menentukan sama ada wujud perhubungan yang signifikan di antara sikap terhadap 6 elemen dalam Model Andragogi dengan pencapaian akademik.

Jadual 2: Keputusan Analisis Menggunakan Ujian Korelasi Pearson

Elemen - Elemen	Korelasi Pearson (r)	Sig. (2 tailed)
Keperluan Ingin Tahu	0.938**	.000
Penyempurnaan Kendiri	0.886**	.000
Peranan Pengalaman	0.823**	.000
Kesediaan Belajar	0.694**	.000
Orientasi Pembelajaran	0.902**	.000
Peranan Motivasi	0.828**	.000
Elemen Andragogi Keseluruhan	0.934**	.000

****perhubungan yang signifikan pada aras keertian $\alpha = 0.01$**

Dapatan di atas menunjukkan kekuatan korelasi yang sangat kuat bagi elemen keperluan ingin tahu ($r=.938$, $p=.000$) dan prinsip pembelajaran keseluruhan ($r=.934$, $p=.000$) terhadap pencapaian akademik. Bagi elemen lain seperti penyempurnaan kendiri,

peranan pengalaman, orientasi pembelajaran dan peranan motivasi pula menunjukkan korelasi yang kuat iaitu nilai r antara 0.71 sehingga 0.90. Hanya elemen kesediaan belajar yang memiliki kekuatan korelasi yang sederhana iaitu ($r=.694$, $p=.000$).

Objektif Kajian 3 : Ujian Regresi Pelbagai digunakan untuk menentukan sama ada wujud pengaruh yang signifikan antara sikap terhadap 6 elemen dalam Model Andragogi terhadap pencapaian akademik.

Jadual 3(a) : Keputusan Analisis Menggunakan Regresi Pelbagai (Stepwise)

Pembolehubah Bebas Sumbangan (%)	B	(Beta) β	Nilai t	Sig.-t	R ²
Keperluan Ingin Tahu 88.1 %	0.565	0.664	7.898	0.000	0.881
Penyempurnaan Kendiri 3.0 %	0.306	0.324	3.875	0.000	0.911

Analisis Regresi Berganda digunakan untuk melihat pembolehubah yang manakah memberi sumbangan kepada pencapaian akademik pelajar KSS. Analisis secara stepwise ini pada Jadual 3(a) dan 3(b) menunjukkan bahawa pembolehubah peramal iaitu Keperluan ingin tahu dan penyempurnaan kendiri adalah peramal yang mempunyai korelasi dan sumbangan sebanyak (91.1%) yang signifikan ($p<.05$) terhadap pencapaian akademik pelajar KSS di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, PKK.

Dapatkan menunjukkan korelasi antara variabel kriteria (pencapaian akademik) dan variabel peramal bagi Keperluan Ingin Tahu ialah .938. Bagi korelasi, R antara variabel kriteria dan kombinasi variabel peramal bagi Keperluan Ingin Tahu dan Penyempurnaan Kendiri ialah .954. Nilai R² sebanyak .881 menunjukkan bahawa 88.1% perubahan dalam variabel kriteria adalah disebabkan oleh perubahan dalam elemen Keperluan Ingin Tahu. Kombinasi bagi elemen Keperluan Ingin Tahu dan Penyempurnaan Kendiri menyumbang sebanyak (91.1% - 88.1%) iaitu 3% perubahan tambahan dalam pencapaian akademik.

Peramal utama dan tertinggi yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar KSS di JKM, Politeknik Kota Kinabalu ialah Keperluan Ingin Tahu($=.664$, $t=7.898$ dan $p=0.000$)($p<.05$). Keadaan ini menunjukkan apabila skor keperluan ingin tahu bertambah sebanyak satu unit, maka pencapaian akademik pelajar turut bertambah sebanyak 0.664 unit. Dapatkan ini jelas menunjukkan bahawa elemen keperluan ingin tahu di kalangan pelajar mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Peramal kedua terpenting yang menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar KSS di JKM, Politeknik Kota Kinabalu ialah Penyempurnaan Kendiri ($=.324$, $t= 3.875$ dan $p=0.000$) ($p<.05$). Keadaan ini menunjukkan apabila skor penyempurnaan kendiri bertambah sebanyak satu unit, maka pencapaian akademik pelajar turut bertambah sebanyak 0.324 unit. Maka, elemen penyempurnaan kendiri di kalangan pelajar turut sama mempengaruhi pencapaian akademik.

Jadual 3(b) : Keputusan Analisis Menggunakan Analisis Varian

Sumber Tahap	Jumlah Kuasa Dua	Darjah	Min Kuasa Dua	Nilai F
(p)	Dua	Kebebasan	Signifikan	
Regresi 0.000	7.331	2	3.665	224.721
Residual	0.718	44	0.016	
Jumlah	8.048	46		

Keputusan analisis regresi pelbagai menunjukkan bahawa bagi saiz sampel ini ($n=47$), skor bagi Keperluan Ingin Tahu dan Penyempurnaan Kendiri merupakan peramal yang signifikan [$F(2,44) = 8.048$, $p=.000$] bagi pencapaian akademik pelajar KSS di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, PKK. Kedua ó dua variabel peramal ini menyumbang sebanyak 91.1% varians dalam variabel kriteria ($R^2 = .911$).

KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap pelajar pada prinsip pembelajaran utama andragogi secara keseluruhannya berada di tahap yang baik. Dapatan kedua menunjukkan bahawa wujud perhubungan antara sikap pelajar dengan pencapaian akademik bagi semua elemen prinsip utama pembelajaran andragogi. Selain itu, kajian jelas membuktikan bahawa elemen keperluan ingin tahu dan penyempurnaan kendiri mempengaruhi pencapaian akademik pelajar KSS di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Kota Kinabalu.

RUJUKAN

- A.A. Alaoye (2008). *Andragogical Approach for Sustainable Democracy : A Sosiolinguistic Review*. University of Abuja : Nigeria. Vol.3, No.2.
- Anthony T.D. & Kritsonis W. A. (2007). *A Mixed Methods Assessment of The Effectiveness of Strategic E-Mentoring in Improving the Self Efficacy and Persistence (or Retention) or Alternatively Certified Novice Teachers within an Inner City School District*. National Journal for Publishing and Mentoring Doctoral Student Research. Vol. 4, No. 1.
- Awab Said and Sufean Hussin (2006). *Pelajar Sekolah Menengah Yang Bekerja Separuh Masa: Satu Tinjauan Di Kuala Lumpur*. Jurnal Pendidikan. Universiti Malaya. 165 ó 188
- Blondy L. C., (2007). *Evaluation and Application of Andragogical Assumptions to the Adult Online Learning Environment*. Journal of Interactive Online Learning. Vol.2, No 2.
- Brian C. & Della, M.S (2004). *Nontraditional Training Systems : Realizing the Effectiveness of an Agency's Most Valuable Resource*. FBI Law Enforcement Bulletin.
- Florida Literacy and Reading Excellence Professional Paper (2004). *Andragogy from Subject – Centered to Problem Centered*. University of Central Florida : Orlando.
- Geoffrey Lee (2005). *Exploring Virtual Marketing Andragogy : A Projective Approach*. Conference in Marketing Education : University of Western Sydney.

- Holmes G. & Cooper M. E. (2000). *Pedagogy vs Andragogy : A False Dichotomy?*. The Journal of Technology Studies. Vol. XXVI, No. 2.
- Knowles, M.S., Swanson, R.A., & Holton E.F. (2005). *The Adult Learner : The definitive classic in Adult Education and human resource development*. 6th ed. California : Elsevier Science and Technology Books.
- Mohd Azhar Abdul Hamid, Paimah Atoma, Muhammed Fauzi Othman & Mohd Nasir Markom (2004). *Andragogi : Mengajar Orang Dewasa Belajar*. Pahang : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- National Center for Educational Statistics (2000). Digest of Education Statistics, 2000 Retrieved Nov. 2, 2008, from nces.ed.gov/pubs2001/digest/ch3.html
- Ota C., Dicarlo C.F, Burts D.C, Laird R. & Gioe C. (2006), *Training and The Needs of Adult Learners. Journal of Extension*. Vol 44. No. 6.
- Paraskevas, A. & Wickens, E. (2003). *Andragogy and The Socratic Method : The Adult Learner Perspective*. Journal of Hospitality, Leisure, Sport and Tourism Education. Vol.2, No.2.
- Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara 2007 ó 2010 (2007). Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia : Kuala Lumpur
- Sandlin J. A. (2005). *Andragogy and Its Discontents: An Analysis of Andragogy from The Critical Perspectives*. PAACE Journal of Lifelong Learning, Vol.14, 25-42.
- Sariwati Mohd Shariff, Fadzilah Azam Ahmad & Shatina Saad (2009). *Readiness to Learn and Assessment of Learning Outcomes on Off-Campus Adult Learners*. Universiti Teknologi MARA : Shah Alam.
- Sarojni Choy & Brian Delahaye (2002). *Andragogy in Vocational Education and Training : Learners' Perspective*.
- Stephen Pew (2007). *Andragogy and Pedagogy as Foundational Theory for Student Motivation in Higher Education*. Student Motivation. Park University. Vol. 2.
- Timarong A., Temaungil M. & Sukrad W. (2002), *Adult Learning and Learners*. Pasific Resources for Education and Learning : Honolulu.